

Elakkan dari membazir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Pengurusan tentera
perlu cekap— Dr.M

Oleh NAZRI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan perlunya pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan bagi Angkatan Tentera demi mengelakkan sebarang pembaziran pembekalan kelengkapan pertahanan negara.

Malah, Perdana Menteri menegaskan, pengurusan dan pentadbiran seperti itu wajib diwujudkan supaya peruntukan pertahanan negara yang ditetapkan dapat mengadakan kelengkapan serta kemudahan Angkatan Tentera secara maksima.

"Melalui pengurusan dan pentadbiran Angkatan Tentera yang cekap dan berkesan, peruntukan pertahanan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan berkesan," ujar Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan.

Berucap di majlis penyampaian diploma Maktab Turus Angkatan Tentera di Kementerian Pertahanan hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Sebagai sebuah negara yang masih membangun, adalah sukar bagi Malaysia untuk membeli alat-alat dan senjata yang "sophisticated" dan begitu mahal dengan banyak.

"Kita hendaklah sentiasa sedar hakikat ini. Oleh yang demikian kita perlu menggunakan peruntukan yang ditetapkan bagi urusan pertahanan dengan sebaik-baiknya dan dengan cara yang paling berkesan," beliau berkata.

Bagaimanapun, kerajaan tetap memberi perhatian berat terhadap keselamatan dan pertahanan negara. Katanya, Angkatan Tentera bukan sahaja akan diperbesar dari segi bilangan anggotanya tetapi juga diperkuatkan dengan mengganti dan menambah alat dan senjata yang kemaskini dan sesuai dengan keperluan keselamatan negara.

Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan segala rancangan kerajaan mempertingkatkan lagi pertahanan negara sejajar dengan perkembangan kepentingan ekonomi Malaysia di samping meramalkan perubahan yang akan berlaku di rantau ini, yang mungkin juga akan dihadapi oleh Malaysia.

"Ini bererti kita wajib mempertingkatkan lagi mutu profesional kita bukan sahaja dalam bidang teknik ketenteraan bahkan juga dalam bidang pengurusan Angkatan Tentera.

"Sukatan dalam memperkukuhkan lagi pengurusan ini termasuklah daya usaha kita menyumbang tenaga dalam usaha kerajaan mengatasi masalah sosial dan ekonomi," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, melalui pengurusan yang baik iaitu dengan menunjukkan kebijaksanaan dan dedikasi dalam melaksanakan tugas, secara langsung ia menunjukkan tauladan bahawa pertahanan negara ini adalah untuk memenuhi semua pihak.